

Bimbang banjir berulang

Penduduk mahu pihak bertanggungjawab selenggara parit

SUNGAI BESAR - Masalah parit tidak diselenggara menimbulkan ke-bimbangan dalam kalangan pen-duduk di Simpang 3 Loji berikutan mereka terdedah kepada banjir se-tiap kali hujan.

Penduduk, Mohd Yusof Tomijan, 48, berkata, parit berkenaan tidak di-selenggara menggunakan bot kecil menyebabkan lebihan rumpai air da-lam parit berkenaan menghalang sis-tem saliran.

"Parit tersebut diselenggara menggunakan kaedah manual dan ini sedikit sebanyak memberi kesan kepada sistem perparitan di sini.

"Disebabkan menggunakan kae-dah manual, air tersebut disalurkan lambat jika berlakunya hujan lebat di kawasan berkenaan," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*, semalam.

Menurutnya, keadaan itu meng-undang kebimbangan kepada pen-duduk yang menetap sekitar kawa-san itu sekiranya hujan lebat.

"Air akan melimpah keluar di-sebabkan lambat disalurkan disebab-kan diganggu rumpai dalam parit ti-dak diselenggara berkenaan.

"Rumahnya turut mengalami banjir teruk pada tahun lalu disebab-kan masalah tersebut," katanya.

Katanya, rumahnya dilanda ban-jir empat kali pada tahun lalu dan ke-adaan berkenaan memberi kesan ke-padanya serta penduduk.

"Saya tidak mahu kejadian pada tahun lalu berulang tambahan pula sekarang musim hujan di sini," katanya.

Dalam pada itu, Yusof berkata, parit berkenaan perlu diselenggara menggunakan bot kecil kerana pen-dekatan itu tidak akan menyebabkan parit berkenaan rebak seperti dakwaan pihak berkenaan.

Katanya, masalah ini perlu di-selesaikan segera bagi mengelakkan kebimbangan dalam kalangan pen-duduk setiap kali hujan.

"Penduduk terpaksa me-nanggung kerugian disebabkan ban-jir berpunca dari parit berkenaan ti-dak diselenggara," katanya.

Sementara itu, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Sabak Bernam sentiasa melakukan penyelenggara-an di kawasan Parit 3 Loji untuk mengelakkan kejadian banjir; di sini.

Jurutera Daerah JPS Sabak Bernam, Herman Tawil berkata, pihaknya melakukan penyelenggara-an tiga kali setahun.

Menurutnya, tindakan itu ber-tujuan memastikan sistem saliran mengalir sempurna setiap masa.

"JPS menggunakan kaedah ma-nual menyelenggarakan parit di-sebabkan kawasan itu lokasi panas kemalangan maut," katanya.

"Penggunaan jentera dapat mengundang risiko bahaya me-mandangkan secara tidak langsung akan mengganggu lalu lintas di ka-wasan berkenaan," katanya.



Keadaan parit tidak diselenggara menimbulkan kebimbangan penduduk berlakunya banjir.